**PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK : TUNTUTAN** | | |
| **TAJUK KECIL : TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA** | | |
| **RUJUKAN DOKUMEN: SSP (TNT/P)** | | **MUKA SURAT : 1/12** |
| **KELUARAN : 1** | **PINDAAN : 1** | **TARIKH UBAHSUAI : 1 OGOS 2014** |
| **TARIKH KUATKUASA : 1 SEPTEMBER 2014** | | |

| Bil | Tajuk | Perkara | Rujukan |
|---|---|---|---|
| **A.** | **Tafsiran** | 1.0 Berikut adalah senarai tafsiran yang diguna pakai: | |
| | | **Gred/Kategori** | |
| | | Gred Gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/2002 dan pindaannya. Pegawai yang tidak menerima Sistem Saraan Malaysia (SSM) boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran di bawah pekeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) atau Kumpulan Gaji masing-masing di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana yang berkenaan. | 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2013 para 2.1 |
| | | **Pegawai** | |
| | | Seseorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara tetap dan sementara. | 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2013 para 2.3 |
| | | **Keluarga** | |
| | | Jika bagi pegawai lelaki adalah isteri dan anak-anaknya; dan jika bagi pegawai perempuan adalah suami dan anak-anaknya. | 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013 para 2.5 |

**PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK : TUNTUTAN** | | |
| **TAJUK KECIL : TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA** | | |
| **RUJUKAN DOKUMEN: SSP (TNT/P)** | | **MUKA SURAT : 2/12** |
| **KELUARAN : 1** | **PINDAAN : 1** | **TARIKH UBAHSUAI : 1 OGOS 2014** |
| **TARIKH KUATKUASA : 1 SEPTEMBER 2014** | | |

| Bil | Tajuk | Perkara | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | **Anak**<br><br>Anak-anak yang berkelayakan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang berumur di bawah 18 tahun atau sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 21 tahun termasuk juga anak-anak tiri dan juga anak-anak angkat yang diiktiraf oleh undang-undang. Walaubagaimanapun, anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had umur ini tidak akan terpakai. | 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013 para 2.5 |
| | | **Berpindah Rumah**<br><br>Berpindah rumah mengikut keadaan-keadaan seperti di bawah dan tertakluk kepada syarat bahawa pegawai mendiami rumah tersebut.<br><br>i) Berpindah rumah dari rumah sendiri/rumah sewa/rumah Kerajaan ke rumah Kerajaan atau rumah yang sewanya dibayar oleh Kerajaan dan sebaliknya atas arahan pihak berkuasa tertentu.<br><br>ii) Berpindah rumah dari rumah sendiri/rumah sewa/rumah Kerajaan ke rumah yang dibeli di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan. | 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2013 para 4.1 |
| | | iii) Berpindah atas keadaan di luar kawalan iaitu:<br><br>a) Perpindahan akibat daripada bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan lain-lain. Perpindahan yang berbentuk tetap dan bukan sementara.<br><br>b) Pengambilan balik tanah (tapak rumah) oleh Kerajaan atau pihak-pihak lain yang dibenarkan oleh Kerajaan. | Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 10/1989 para 3.3 |

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK : TUNTUTAN** | | |
| **TAJUK KECIL : TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA** | | |
| **RUJUKAN DOKUMEN: SSP (TNT/P)** | | **MUKA SURAT : 3/12** |
| **KELUARAN : 1** | **PINDAAN : 1** | **TARIKH UBAHSUAI : 1 OGOS 2014** |
| **TARIKH KUATKUASA : 1 SEPTEMBER 2014** | | |

| Bil | Tajuk | Perkara | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | iv) Pegawai **tidak layak** menuntut bayaran perpindahan sekiranya perpindahan akibat daripada penerimaan notis daripada tuan rumah untuk mengosongkan rumah tersebut. | |
| | | **<u>Stesen</u>**<br><br>Satu lingkungan kawasan 25 km dari rumah lama ke rumah baru. | 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013 para 2.9 |
| | | **<u>Ketua Jabatan</u>**<br><br>Pegawai Pengawal satu-satu Kementerian atau Jabatan bagi meluluskan tuntutan elaun-elaun kerana perpindahan rumah. | Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 10/1989 |

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK : TUNTUTAN** | | |
| **TAJUK KECIL : TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA** | | |
| **RUJUKAN DOKUMEN: SSP (TNT/P)** | | **MUKA SURAT : 4/12** |
| **KELUARAN : 1** | **PINDAAN : 1** | **TARIKH UBAHSUAI : 1 OGOS 2014** |
| **TARIKH KUATKUASA : 1 SEPTEMBER 2014** | | |

| Bil | Tajuk | Perkara | Rujukan |
|---|---|---|---|
| **B.** | **Terima / Semak Borang Tuntutan** | 2.0 Pastikan borang Tuntutan Elaun Perpindahan Rumah yang betul digunakan dan dokumen sokongan disertakan. Rujuk borang tuntutan seperti di **Lampiran A.** | 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013 Lampiran B-2 |
| | | 2.1 Borang tuntutan yang diterima di Unit Kewangan dicap dengan tarikh "**TERIMA**". | |
| | | 3.0 Semak borang tuntutan dan dokumen sokongan. | |
| | | 3.1 Pastikan bulan dan tahun kewangan : | |
| | | 3.1.1 Tarikh borang tuntutan diterima di Unit Kewangan mestilah **tidak lewat** daripada **3 bulan** selepas tarikh perpindahan rumah dilakukan. | 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013 para 4.2.5 |
| | | 3.1.2 Jika bukan tahun semasa,pastikan Sijil AP 58(a) disertakan dan memenuhi syarat-syarat berikut: | Arahan Perbendaharaan 58(a) |
| | | a) Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP 58(a) diterima. Rujuk Sijil AP 58(a) seperti di **Lampiran B**. | |
| | | b) Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan itu kena bayar dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi. | |
| | | ***Sekiranya syarat AP 58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri disertakan.*** | |

| Bil | Tajuk | Perkara | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | 4.0 Pastikan butir-butir maklumat pegawai dicatatkan dengan betul dan lengkap seperti berikut :<br><br>4.1 Nama dan No. Kad Pengenalan.<br><br>4.2 Gred / Kategori / Kumpulan / pangkat dan Jawatan.<br><br>4.3 Pendapatan (RM) termasuk gaji dan elaun-elaun.<br><br>4.4 Nama, Nombor Akaun dan Alamat Bank.<br><br>4.5 Taraf Perkahwinan perlu dicatatkan sama ada belum/sudah berkahwin/lain-lain. Bagi pegawai berkeluarga/telah bercerai/ mempunyai anak angkat yang telah diiktiraf boleh menuntut bayaran penuh.<br><br>5.0 Semak Maklumat Perpindahan Rumah.<br><br>5.1 Pastikan Tarikh Melaksanakan Perpindahan dicatatkan dengan jelas.<br><br>5.2 Sekiranya penangguhan dibuat ke atas perpindahan, surat penangguhan tersebut perlu dikemukakan bersama tuntutan sebagai dokumen sokongan.<br><br>5.3 Semak sama ada pegawai mendapat surat arahan berpindah masuk/keluar (Rumah Kerajaan/Kuarters) oleh pihak yang berkuasa.<br><br>5.4 Semak sama ada pegawai mendapat surat kelulusan daripada Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan Kementerian Kewangan dan disahkan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab. | |

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK : TUNTUTAN** | | |
| **TAJUK KECIL : TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA** | | |
| **RUJUKAN DOKUMEN: SSP (TNT/P)** | | **MUKA SURAT : 6/12** |
| **KELUARAN : 1** | **PINDAAN : 1** | **TARIKH UBAHSUAI : 1 OGOS 2014** |
| **TARIKH KUATKUASA : 1 SEPTEMBER 2014** | | |

| Bil | Tajuk | Perkara | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | 5.5 Semak Alamat Lama dan Alamat Rumah Baru.<br><br>5.6 Tuntutan elaun perpindahan adalah **tidak layak** dituntut sekiranya,<br><br>i) Perpindahan rumah antara tingkat dalam blok yang sama.<br>ii) Kemudahan makan, perjalanan dan pengangkutan barang-barang disediakan.<br><br>5.7 Semak sama ada perpindahan melibatkan antara blok dalam kompleks yang sama. Bagi perpindahan seperti ini pegawai hanya layak ½ daripada bayaran penuh.<br><br>5.8 Sekiranya kemudahan pengangkutan barang-barang disediakan, pegawai hanya layak menuntut ½ daripada bayaran penuh. | 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013 para 4.2 |

**PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK : TUNTUTAN** | | |
| **TAJUK KECIL : TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA** | | |
| **RUJUKAN DOKUMEN: SSP (TNT/P)** | | **MUKA SURAT : 7/12** |
| **KELUARAN : 1** | **PINDAAN : 1** | **TARIKH UBAHSUAI : 1 OGOS 2014** |
| **TARIKH KUATKUASA : 1 SEPTEMBER 2014** | | |

| Bil | Tajuk | Perkara | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | 6.0 Kadar Tuntutan<br><br>6.1 Kadar Tuntutan Perpindahan Rumah bagi Semenanjung Malaysia : | 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013 Jadual 2 |

| Gred | Bayaran Tetap | |
|---|---|---|
| | **Bujang (RM)** | **Keluarga (RM)** |
| Utama/Khas A dan ke atas | 740.00 | 2,136.00 |
| Utama/Khas B dan C | 612.00 | 1,699.00 |
| 53 dan 54 | 612.00 | 1,699.00 |
| 45 hingga 52 | 528.00 | 1,378.00 |
| 43 dan 44 | 464.00 | 1,159.00 |
| 41 dan 42 | 420.00 | 1,042.00 |
| 31 hingga 40 | 377.00 | 924.00 |
| 27 hingga 30 | 337.00 | 826.00 |
| 21 hingga 26 | 299.00 | 739.00 |
| 17 hingga 20 | 278.00 | 671.00 |
| 13 hingga 16 | 251.00 | 601.00 |
| 1 hingga 12 | 212.00 | 503.00 |

| TAJUK : TUNTUTAN | | |
|---|---|---|
| TAJUK KECIL : TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA | | |
| RUJUKAN DOKUMEN: SSP (TNT/P) | | MUKA SURAT : 8/12 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 1 | TARIKH UBAHSUAI : 1 OGOS 2014 |
| TARIKH KUATKUASA : 1 SEPTEMBER 2014 | | |

| Bil | Tajuk | Perkara | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | 6.2 Kadar Tuntutan Perpindahan Rumah bagi Sabah, Sarawak dan Labuan : | 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013 Jadual 2 |

| Gred | Bayaran Tetap | |
|---|---|---|
| | Bujang (RM) | Keluarga (RM) |
| Utama/Khas A dan ke atas | 996.00 | 2,943.00 |
| Utama/Khas B dan C | 828.00 | 2,303.00 |
| 53 dan 54 | 828.00 | 2,303.00 |
| 45 hingga 52 | 723.00 | 1,882.00 |
| 43 dan 44 | 659.00 | 1,667.00 |
| 41 dan 42 | 596.00 | 1,444.00 |
| 31 hingga 40 | 487.00 | 1,202.00 |
| 27 hingga 30 | 464.00 | 1,105.00 |
| 21 hingga 26 | 407.00 | 1,007.00 |
| 17 hingga 20 | 365.00 | 899.00 |
| 13 hingga 16 | 325.00 | 806.00 |
| 1 hingga 12 | 286.00 | 704.00 |

***Bayaran tetap mengandungi unsur-unsur Elaun Gantian Makan, Pemberian Pindahan, tambang pengangkutan barang-barang dan tambang perjalanan serta termasuk Belanja Pelbagai seperti bayaran tol, feri dan bayaran letak kereta.***

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK : TUNTUTAN** | | |
| **TAJUK KECIL : TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA** | | |
| **RUJUKAN DOKUMEN: SSP (TNT/P)** | | **MUKA SURAT : 9/12** |
| **KELUARAN : 1** | **PINDAAN : 1** | **TARIKH UBAHSUAI : 1 OGOS 2014** |
| **TARIKH KUATKUASA : 1 SEPTEMBER 2014** | | |

| Bil | Tajuk | Perkara | Rujukan |
|---|---|---|---|
| **C.** | **Proses Bayaran** | 7.0 Pengakuan<br><br>7.1 Semak sama ada ruangan **Pengakuan** pada borang tuntutan diisi dengan lengkap.<br><br>8.0 Pengesahan<br><br>8.1 Pastikan ruangan **Pengesahan** pada borang tuntutan dilengkapkan dengan tarikh, tandatangan dan cop jawatan pegawai yang bertanggungjawab.<br><br>9.0 Semak dokumen sokongan<br><br>9.1 **Sijil AP 58(a) – jika perlu**<br>Semak Tahun Kewangan jika bukan Tahun Semasa, pastikan sijil AP 58(a) disertakan.<br><br>9.2 **Borang Tuntutan Elaun Perpindahan**<br>Semak dan pastikan borang tuntutan lengkap.<br><br>9.3 **Surat Arahan Berpindah Masuk/Keluar (Rumah Kerajaan/Kuarters)**<br>Pastikan salinan surat ini diterima oleh pegawai daripada pihak yang berkuasa dan disahkan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab.<br><br>9.4 **Surat Kelulusan Daripada Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan**<br>Pastikan salinan surat ini disahkan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab.<br><br>9.5 **Surat Nikah/Surat Penceraian/Salinan Kad Pengenalan/Sijil Lahir (Suami/Isteri/Anak)**<br>Perlu disertakan bagi pegawai berkeluarga. | Arahan Perbendaharaan 99(a) |

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK : TUNTUTAN** | | |
| **TAJUK KECIL : TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA** | | |
| **RUJUKAN DOKUMEN: SSP (TNT/P)** | | **MUKA SURAT : 10/12** |
| **KELUARAN : 1** | **PINDAAN : 1** | **TARIKH UBAHSUAI : 1 OGOS 2014** |
| **TARIKH KUATKUASA : 1 SEPTEMBER 2014** | | |

| Bil | Tajuk | Perkara | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | 9.6 **Surat Penangguhan Perpindahan** Dikepilkan hanya sekiranya ada penangguhan perpindahan dibuat.<br><br>9.7 **Surat Perakuan Pegawai** yang menyatakan beliau telah berpindah ke rumah baru dari rumah sewa. | |
| **D.** | **Proses Pembayaran Dalam Sistem SPEKS** | 10.0 Seterusnya kunci masuk dalam Modul PTJ Kewangan SPEKS di Skrin Kemasukan :<br><br>a) Input/Semak **Daftar Bayaran Tanpa PT/Kontrak** pada butang 8.<br><br>b) Semak/Lulus **Baucar Bayaran** pada butang 9.<br><br>c) Cetak baucar bayaran. | Panduan SPEKS (Modul PTJ Kewangan) |
| **E.** | **Penyimpanan Baucar** | 11.0 Pastikan maklumat bayaran dicap pada muka depan baucar bayaran sebelum difailkan. | |
| | | 12.0 Semua dokumen sokongan beserta baucar bayaran perlulah dicap ”**TELAH BAYAR**” setelah selesai proses pembayaran. Manakala dokumen sokongan yang merupakan salinan perlulah disahkan. | Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 2008 para 3.4.3 |
| | | 13.0 Semua dokumen sokongan perlu dikepilkan bersama baucar bayaran dan disimpan dalam fail yang sama mengikut nombor siri baucar. | Arahan Perbendaharaan 99(a) |
| | | 14.0 Baucar bayaran disimpan di dalam fail kulit keras mengikut turutan nombor dari awal hingga akhir. Pastikan kulit fail dilabel nombor siri awal dan akhir pada bahagian depan dan sisi fail. | |

Hakcipta Terpelihara : Pejabat Kewangan Negeri

## Lampiran A : Contoh Borang Tuntutan Perpindahan Rumah

TUNTUTAN ELAUN PERPINDAHAN RUMAH

| **MAKLUMAT PEGAWAI YANG MEMOHON** | | |
|---|---|---|
| Nama (Huruf Besar) : KOMATHI A/P SUBRAMANIAM | | |
| No. Kad Pengenalan :851014-08-5070 | | |
| Gred/Kategori/[Kumpulan(**)]/Pangkat :W17 | | Jawatan :PEMBANTU AKAUNTAN |
| Pendapatan (RM) | Gaji :1,250.00 | Taraf Perkahwinan : Belum/Sudah (*) Berkahwin/Lain-lain (Sebutkan) : |
| | Elaun-elaun :530.00 | |
| | Jumlah : 1,780.00 | |
| Bank | Nama :MALAYAN BANKING BERHAD | |
| | No. Akaun :12563189101245 | |
| | Alamat Bank :MAYBANK Ipoh | |
| **MAKLUMAT PERPINDAHAN RUMAH** | | |
| Tarikh melaksanakan perpindahan rumah: 14 September 2012 | | |
| Alamat Rumah Lama : Lot 34 PERSIARAN MEWAH,TAMAN MERDEKA, 30000 IPOH PERAK. | | Alamat Rumah Baru : NO 24 JALAN KUALA KANGSAR, TAMAN PERTAMA, 30000 IPOH, PERAK. |

**KADAR TUNTUTAN**

Bagi tujuan perpindahan rumah tersebut saya layak menuntut **Bayaran Tetap** mengikut kadar seperti yang dinyatakan di *Jadual 2* sebanyak RM 278.00

Saya mengaku bahawa :

(a) perjalanan pada tarikh tersebut adalah benar;
(b) tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah peraturan-peraturan bagi pegawai berpindah rumah yang berkuatkuasa semasa; dan
(c) butir-butir seperti yang dinyatakan di atas adalah benar dan saya bertanggungjawab terhadapnya.

Tarikh :4.10.2012 KOMATHI

(Tandatangan)

**PENGESAHAN**

Adalah disahkan bahawa perjalanan tersebut adalah sebagai melaksanakan perpindahan rumah sebagaimana kelayakan pegawai.

Tarikh : 5.10.2012 AZIAN

(Tandatangan)

NOR 'AZIAN BINTI SAAT
Penolong Akauntan W36
Unit Khidmat Perunding SPEKS
Pejabat Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan

(Nama)

(Jawatan)
b.p. Ketua Setiausaha /
Pegawai Pengawal

Catatan : (*) – potong mana yang tidak berkenaan.
(**) – jika pegawai memilih untuk tidak menerima SSB.

**PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK : TUNTUTAN** | | |
| **TAJUK KECIL : TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA** | | |
| **RUJUKAN DOKUMEN: SSP (TNT/P)** | | **MUKA SURAT : 12/12** |
| **KELUARAN : 1** | **PINDAAN : 1** | **TARIKH UBAHSUAI : 1 OGOS 2014** |
| **TARIKH KUATKUASA : 1 SEPTEMBER 2014** | | |

**Lampiran B : Contoh Sijil AP 58(a)**

**SIJIL AP.58(a)**

Tarikh :

Bendahari Negeri
Perak Darul Ridzuan.
Tuan,

**Permohonan Bayaran Di Bawah AP.58(a).**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas. Bersama-sama ini dikemukakan baucar perbelanjaan tahun lepas untuk di bayar daripada peruntukan tahun ini mengikut perakuan AP.58(a).

| Keterangan Peruntukan | Tahun Lalu | Tahun Semasa |
|---|---|---|
| Kepala Peruntukan | | |
| Objek Sebagai & Aktiviti | | |
| No. Baucar | | |
| Baki Peruntukan Kemaskini | | |
| Amaun Bagi Baucar Berkepil | | |

1. ***Sebab-sebab Kelewatan***

2. ***Jika tiada peruntukan, mengapa terus membuat perbelanjaan***.

3. ***Siapa yang bertanggungjawab, tindakan yang telah di ambil serta sokongan ke atas tindakan-tindakan tersebut.***

4. ***Pengakuan***
Saya mengesahkan bahawa butir-butir di atas adalah betul. Saya juga mengaku peruntukan ini adalah mencukupi untuk membayar baucar yang dikemukakan dan saya tidak akan membuat apa-apa Permohonan Pindah Peruntukan dengan menggunakan pembayaran ini sebagai satu sebab.

Disahkan oleh,

....................................

(KETUA JABATAN)

Permohonan di bawah A.P. 58(a) diluluskan,

...............................................................

(PEGAWAI KEWANGAN NEGERI PERAK)